

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI**  
**MOHAMED SAID**  
**[KUALA KRAU]**

**SOALAN NO. 196**

**Y.B. DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sehingga kini. Mohon disenaraikan barangan yang mengalami penurunan harga akibat pelaksanaan SST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dikutip oleh Kerajaan untuk tempoh dari 1 September 2018 sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak **RM5.43 bilion**. Daripada jumlah tersebut, kutipan bagi cukai jualan adalah sebanyak **RM3.96 bilion**, manakala cukai perkhidmatan sebanyak **RM1.47 bilion**.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas SST melibatkan kutipan data harga 900 barangan keperluan pengguna terpilih bermula bulan September 2018. Analisa perubahan harga ini dibandingkan antara bulan Mei 2018 dan Disember 2018 bagi melihat kesan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan terhadap kedudukan harga barangan di pasaran. Berdasarkan analisa tersebut, secara purata, 63.20% daripada 900 barangan telah mencatatkan penurunan harga.

Bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan, Kerajaan melalui KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran di samping menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan melaksanakan langkah penguatkuasaan pencatutan ke atas perniagaan.